Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

147 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
150 Trend Utama dan Perkembangan dalam Sistem Pembayaran Runcit

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Operasi RENTAS terus berdaya tahan dan dipercayai

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) memudahkan penyelesaian kasar pindahan dana antara bank dan penyelesaian sekuriti masa nyata dalam pelbagai mata wang. Pada tahun 2017, sebanyak 4.6 juta urus niaga berjumlah RM53.7 trilion diselesaikan melalui RENTAS. Jumlah ini merupakan 40 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia. Ini merupakan pertumbuhan tahunan masing-masing pada 2.3% dan 4.3% dari segi jumlah dan nilai. Jumlah purata urus niaga harian juga meningkat 3.5% kepada 18,651 (2016: 18,013), manakala dari segi nilai meningkat 5.6% kepada RM220.3 bilion (2016: RM208.7 bilion) pada tahun 2017 (Rajah 6.1).

RENTAS mencapai tempoh operasi sistem sepenuhnya (100%) pada tahun 2017, melebihi paras sasaran 99.9%. Dengan pelaksanaan RENTAS Baharu pada September 2016, kemajuan selanjutnya dicapai dalam menyokong perkhidmatan pembayaran merentas sempadan. Faktor penyumbang utama ialah pengenalan fungsi penyelesaian pelbagai mata wang dan penggunaan piawaian Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication (SWIFT) di bawah RENTAS Baharu. Penambahbaikan ini meningkatkan tahap automasi dan penyeragaman dalam kalangan peserta RENTAS, seterusnya meningkatkan kadar Pemprosesan Terus (Straight-Through-Processing, STP) peserta bagi urus niaga RENTAS keluar kepada purata 33.6%. RENTAS Baharu ini juga meningkatkan penghantaran urus niaga Renminbi dalam RENTAS dengan menyokong saluran akses baharu dan proses yang lebih lancar bagi peserta.

Rajah 6.1: RENTAS – Purata Urus Niaga Harian

Peningkatan kecil dalam urus niaga harian purata RENTAS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada tahun 2017, institusi kewangan menyelesaikan penilaian kendiri terhadap sistem keselamatan seperti yang dikehendaki oleh Bank sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengurangkan risiko siber terhadap infrastruktur sistem pembayaran. Langkah tersebut juga bertujuan mengenal pasti dan menangani jurang utama sebelum tarikh akhir pelaksanaan kawalan keselamatan yang diwajibkan oleh SWIFT. Kawalan ini termasuk langkah-langkah meningkatkan keselamatan fizikal dan teknikal infrastruktur berkaitan SWIFT, menambah baik kawalan akses menerusi kaedah pengesahan yang mantap, dan memantapkan perancangan tindak balas terhadap gangguan sistem. Sebagai susulan kepada isu utama yang telah dikenal pasti daripada langkah tersebut, Bank menghendaki institusi kewangan merumuskan pelan tindakan bagi memastikan pelaksanaan amalan keselamatan yang lancar dan tepat pada masanya. Pada akhir Januari 2018, semua institusi kewangan kecuali satu, menunjukkan pematuhan kepada kawalan keselamatan mandatori yang berkaitan. Institusi tersebut dijangka mematuhinya menjelang akhir tahun 2018.

Sistem pembayaran runcit kekal stabil tanpa gangguan besar

Sistem pembayaran runcit[1] beroperasi dengan lancar pada tahun 2017, dengan tahap ketersediaan sistem yang tinggi melebihi paras sasaran 99.9%. Urus niaga GIRO Antara Bank (IBG) dan Pindahan Segera (Instant Transfer) terus meningkat dengan pesat dari segi nilai (IBG: 21.3%; Pindahan Segera: 60.7%) dan dari segi jumlah (IBG: 13.0%; Pindahan Segera: 59.4%). Urus niaga menggunakan cek terus menurun sebanyak 3.2% dari segi nilai dan 10.6% dari segi jumlah. Perkembangan ini selaras dengan momentum perpindahan kepada perkhidmatan pindahan kredit[2] yang berterusan. Berikutan peningkatan jumlah urus niaga, Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) memperkenalkan langkah tambahan untuk mengurangkan risiko penyelesaian dan memperkemas proses memulangkan dana yang dipertikaikan bagi memastikan sistem Pindahan Segera terus dipercayai. Langkah-langkah tersebut melengkapi pelbagai inisiatif lain yang diperkenalkan sejak tahun 2015, yang bertujuan memperkukuh daya tahan sistem Pindahan Segera, termasuk menaik taraf infrastruktur rangkaian dan pengenalan jendela tambahan bagi penyelesaian antara bank.

Berikutan kemasukan peserta baharu, iaitu pengeluar instrumen pembayaran berpangkalan di luar Malaysia yang menggunakan kod Respons Pantas (Quick Response, QR) dengan peniaga Malaysia, Bank terus memantau dengan teliti pembayaran runcit merentas sempadan. Pada tahun 2017, terdapat 0.8 juta urus niaga pembayaran bernilai RM228.5 juta yang menggunakan perkhidmatan pembayaran mudah alih keluaran asing dengan peniaga Malaysia. Memandangkan operasi tersebut hanya bermula sejak suku kedua 2017, urus niaga bagi perkhidmatan pembayaran dari segi jumlah dan nilai tersebut kekal rendah, masing-masing pada 3.4% dan 2.0% daripada jumlah dan nilai urus niaga kad kredit dan kad caj keluaran asing yang digunakan dengan peniaga Malaysia. Namun, urus niaga ini dijangka meningkat dengan lebih pesat pada masa hadapan apabila pembayaran mudah alih semakin menjadi cara pembayaran yang lebih mudah.

Penggunaan pembayaran mudah alih keluaran asing mempunyai risiko tertentu yang dikaitkan dengan masa penyelesaian dana yang dibuat oleh pengeluar asing. Risiko ini bagaimanapun dikurangkan menerusi keperluan yang ditetapkan oleh Bank kepada pemeroleh tempatan yang menyediakan instrumen pembayaran mudah alih keluaran asing. Keperluan itu menghendaki penyelesaian dana sepenuhnya kepada peniaga sekiranya pengeluar asing gagal memenuhi obligasi penyelesaian mereka. Bagi kes yang melibatkan peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), pemeroleh bukan bank dikehendaki mewujudkan satu akaun amanah untuk mendepositkan dana yang hanya boleh digunakan untuk membayar peniaga PKS mereka.

Aspek keselamatan diperkukuh dan kecekapan infrastruktur kad pembayaran ditambah baik

Infrastruktur kad pembayaran di Malaysia terus diperkukuh menerusi pendekatan serampang dua mata, iaitu (i) perpindahan daripada kaedah pengesahan menggunakan tandatangan kepada pengesahan menggunakan Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number, PIN) di bawah inisiatif Cip dan PIN; dan (ii) penggunaan piawaian Europay-Mastercard-Visa (EMV) dan fungsi tanpa sentuhan bagi skim kad debit domestik di bawah inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia

[1] GIRO Antara Bank (IBG), Pindahan Segera, Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX), Debit Terus (DD) dan Skim Pembayaran Bil Elektronik Negara (JomPAY).

[2] Pindahan kredit merujuk kepada perkhidmatan pembayaran yang membenarkan pembayar mengarahkan institusi berkenaan, yang mempunyai akaun pembayar, untuk memindahkan wang kepada benefisiari. Di Malaysia, ini merangkumi perkhidmatan IBG dan Pindahan Segera.

(Malaysian Chip Card Specification, MCCS). Secara keseluruhannya, pendekatan ini telah menyumbang kepada pengukuhan aspek keselamatan, ciri saling boleh kendali (interoperability) dan kecekapan urus niaga kad pembayaran.

Pada 1 Julai 2017, pihak industri berjaya menyempurnakan perpindahan daripada kad pembayaran berasaskan tandatangan kepada kad berasaskan PIN. Pemegang kad kini dikehendaki memasukkan PIN enam angka untuk mengesahkan urus niaga kad pembayaran mereka di semua terminal semasa jualan (point-of-sale, POS). Keperluan ini merupakan langkah pencegahan untuk menangani kes penipuan menggunakan kad yang hilang atau dicuri. Sebelum tarikh kuat kuasa, pemegang kad diberikan tempoh peralihan selama enam bulan. Dalam tempoh itu, pemegang kad dibenarkan memintas (bypass) penggunaan PIN jika tidak dapat mengingati PIN mereka. Langkah ini turut disokong oleh inisiatif meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai bagi menggalakkan penggunaan PIN apabila menggunakan kad pembayaran. Inisiatif ini berjaya mengurangkan kadar pintasan PIN[3] (PIN bypass rate) dengan nyata, daripada 84% pada September 2016 kepada 3% sahaja menjelang tarikh pertukaran dikuatkuasakan. Ini sekali gus memastikan gangguan terhadap urusan pembayaran menggunakan kad pembayaran yang dikeluarkan di Malaysia adalah pada tahap minimum (Rajah 6.2).

Inisiatif MCCS juga telah memperkenalkan kad debit tanpa sentuhan yang selamat di seluruh industri.

Rajah 6.2: Kadar Pintasan PIN

Kadar pintasan PIN terus menurun lantas memastikan perpindahan kepada kad berasaskan PIN yang lancar



Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Kadar urus niaga disempurnakan melalui penurunan tandatangan dalam tempoh peralihan selama enam bulan.

Memandangkan pembayaran tanpa sentuhan agak baharu di Malaysia, pemegang kad debit dan prabayar diberikan pilihan untuk mengurangkan had urus niaga tetapan (default transaction limit) bagi bayaran tanpa sentuhan, iaitu amaun maksimum urus niaga yang boleh dilaksanakan oleh pemegang kad tanpa perlu menurunkan tandatangan ataupun memasukkan PIN. Pemegang kad juga boleh memilih untuk menyahaktifkan fungsi tanpa sentuhan sepenuhnya, sekiranya mahu.

Penipuan pembayaran kekal rendah

Pada tahun 2017, kerugian akibat penipuan berkaitan kad pembayaran[4] naik sedikit kepada 0.0197% daripada jumlah urus niaga (2016: 0.0186%) dan 0.0355% daripada nilai urus niaga (2016: 0.0339%) (Rajah 6.3). Penipuan tanpa kad (card-not-present, CNP), seperti urus niaga dalam talian yang dilakukan tanpa kebenaran, mencakupi 92.8% daripada jumlah kes penipuan dan 89.2% daripada jumlah kerugian akibat penipuan. Sebahagian besar daripada kerugian akibat penipuan (92.5%) ditanggung oleh entiti asing. Ini berdasarkan peraturan yang membolehkan liabiliti dipindahkan kepada pihak yang belum melaksanakan kaedah pengesahan yang kukuh, iaitu yang memerlukan pemegang kad memasukkan kata laluan yang unik (one-time password) setiap kali mengesahkan urus niaga dalam talian. Oleh itu, kerugian yang ditanggung oleh pemegang kad telah dikurangkan

Rajah 6.3: Penipuan Kad Pembayaran Sebagai % daripada Jumlah Urus Niaga

Penipuan kad pembayaran kekal rendah ekoran langkah-langkah keselamatan yang mantap



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj.

berikutan pelaksanaan kaedah pengesahan yang lebih kukuh di Malaysia. Ekoran pelaksanaan penuh inisiatif Cip dan PIN yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2017, penipuan berkaitan kad yang hilang atau dicuri terus berkurang kepada 0.0009% daripada jumlah urus niaga, dan 0.002% daripada nilai urus niaga (Januari hingga Jun 2017: 0.0013%; 0.003%).

Penipuan perbankan dalam talian di Malaysia kekal rendah pada 0.0004% daripada jumlah urus niaga (2016: 0.0003%) dan 0.0003% daripada nilai urus niaga (2016: 0.0002%) (Rajah 6.4). Kes penipuan urus niaga runcit naik sedikit kepada 0.0006% daripada jumlah urus niaga dan 0.003% daripada nilai urus niaga (2016: 0.0004%; 0.002%). Kegiatan mencuri maklumat (phishing), yang berlaku apabila pengguna perbankan dalam talian diperdaya untuk mendedahkan maklumat sulit perbankan mereka menerusi panggilan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS) atau e-mel, kekal sebagai modus operandi utama. Ia mencakupi 70.9% (2016: 86.4%) daripada jumlah kes penipuan perbankan dalam talian.

Penipuan runcit bagi perbankan dalam talian di Malaysia kekal rendah masing-masing pada 0.0006% dan 0.003% daripada jumlah urus niaga dan nilai urus niaga

Bank terus mengadakan perbincangan dan interaksi yang kerap dengan pihak industri bagi memastikan langkah-langkah pendidikan dan kesedaran pengguna adalah berkesan dan boleh menangani modus operandi yang sering berubah seperti pendaftaran perbankan dalam talian yang tidak sah. Penekanan terhadap tanggungjawab pengguna perbankan dalam talian untuk menyimpan maklumat perbankan mereka dengan selamat dan berhati-hati terhadap penipuan terus menjadi fokus utama dalam inisiatif pendidikan pengguna.

Rajah 6.4: Penipuan Perbankan Dalam Talian Sebagai % daripada Jumlah Urus Niaga

Perbankan dalam talian terus berdaya tahan terhadap penipuan



Sumber: Bank Negara Malaysia

TREND UTAMA DAN PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Kemajuan terus dicapai bagi sasaran e-pembayaran

Usaha untuk mencapai sasaran e-pembayaran seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 terus menunjukkan kemajuan. Bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong perpindahan yang cepat, Bank terus menumpukan usaha pada pembetulan isyarat harga untuk menjadikan kos e-pembayaran lebih berpatutan, mewujudkan struktur insentif pasaran untuk mengekalkan pelaburan dalam infrastruktur dan perkhidmatan e-pembayaran, dan meningkatkan kesedaran dan keyakinan awam untuk menggunakan e-pembayaran. Usaha ini berlandaskan strategi yang menggalakkan pindahan kredit untuk menggantikan penggunaan cek dan menggalakkan penerimaan kad debit yang lebih meluas bagi menggantikan wang tunai. Melangkah ke hadapan, pembayaran mudah alih juga dijangka memainkan peranan penting untuk menggantikan penggunaan wang tunai dan cek, khususnya bagi peniaga kecil dan pindahan antara individu, disebabkan kelebihan-kelebihan cara pembayaran ini dari segi kos dan kemudahan menggunakannya.

Pembayaran mudah alih dijangka melengkapi kad debit dan pindahan kredit untuk mempercepat penggantian wang tunai dan cek

Bank telah melaksanakan pembaharuan secara berperingkat dalam tiga gelombang untuk menambah baik infrastruktur e-pembayaran di Malaysia (Gambar Rajah 6.1).

Sejak tahun 2013, Rangka Kerja Pembaharuan Harga (Pricing Reform Framework) telah membetulkan herotan

Gambar Rajah 6.1

Tiga Gelombang Transformasi e-Pembayaran di Malaysia



[1] Merujuk kepada Dana Insentif untuk e-Pembayaran (e-Payment Incentive Fund, ePIF), Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (Payment Card Reform Framework, PCRF) dan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF)
[2] Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate, MDR) ialah fi yang dibayar oleh peniaga kepada pemeroleh untuk memudahkan urus niaga kad pembayaran
[3] Fi pertukaran ialah yuran yang dibayar oleh pemeroleh kepada pengeluar dalam urus niaga kad pembayaran. Fi pertukaran telah dimasukkan dalam MDR yang dicaj oleh pemeroleh kepada peniaga
[4] Dana Pembangunan Pasaran (Market Development Fund, MDF) telah ditubuhkan oleh dua skim kad pembayaran utama pada tahun 2015, yang dijangka menyalurkan dana berjumlah kira-kira RM455 juta daripada fi pertukaran untuk memperluas rangkaian terminal POS bagi tempoh dari bulan Julai 2015 hingga tahun 2020
[5] Berdasarkan kajian terkini yang dijalankan pada suku ketiga 2017 (Kajian Pengguna Internet 2017)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

harga antara cek dengan perkhidmatan pindahan kredit. Rangka kerja ini menetapkan had bagi kos perkhidmatan pindahan kredit dan memperkenalkan fi pemprosesan cek. Rangka kerja ini juga diperlengkap oleh ePIF, yang membolehkan bank menyalurkan balik fi pemprosesan cek kepada pelanggan sebagai insentif untuk menggunakan e-pembayaran. Perkembangan ini, ditambah dengan keperluan penzahiran yang diperkenalkan sejak tahun 2014, telah menggalakkan persaingan dalam kalangan bank untuk menawarkan produk yang lebih baik dan menarik pelanggan untuk menjadi pengguna perbankan dalam talian menerusi pelbagai pengecualian fi dan pemberian insentif. Sehubungan itu, jumlah pengguna aktif perbankan dalam talian, dengan sekurang-kurangnya satu urus niaga setiap bulan, telah meningkat 82.1% daripada 7.0 juta pada tahun 2013, kepada 12.7 juta orang pengguna pada tahun 2017.

Pelaksanaan PCRF pada tahun 2015 juga berjaya menangani herotan dalam pasaran kad pembayaran. Yang nyata, rangka kerja tersebut berjaya membendung kenaikan fi pertukaran yang keterlaluan selain memperkenalkan langkah-langkah meningkatkan ketelusan dan persaingan dengan sokongan penubuhan MDF untuk mempercepat pertambahan rangkaian terminal POS. Hasil daripada langkah-langkah tersebut, kadar diskaun peniaga (MDR) terus menurun lantas menjadikan pembayaran menggunakan kad lebih murah bagi segmen peniaga yang sebelum ini tidak kompetitif sebelum adanya PCRF. Pada masa yang sama, persaingan dalam kalangan bank telah memperluas rangkaian terminal POS dengan menawarkan MDR yang lebih rendah kepada peniaga.

Pembaharuan ini telah menyumbang kepada trajektori menaik bagi penggunaan e-pembayaran keseluruhan (Jadual 6.1). Sejak tahun 2011, jumlah urus niaga e-pembayaran per kapita meningkat lebih dua kali kepada 111 urus niaga per kapita pada tahun 2017, manakala penggunaan cek merosot sebanyak 41.9% kepada 119.0 juta. Dalam tempoh yang sama, jumlah terminal POS bertambah 96.2% kepada 407,111 terminal atau 13 terminal POS bagi setiap 1,000 orang penduduk. Urus niaga kad debit juga meningkat lebih enam kali kepada 162.3 juta urus niaga atau lima urus niaga per kapita.

Bank menjangkakan berdepan beberapa cabaran dalam usaha untuk mencapai sasaran jumlah terminal

Jadual 6.1

Status Pencapaian Sasaran Pelan Sektor Kewangan

Penunjuk pembayaran	2011	2017	Sasaran 2020
Urus niaga e-pembayaran per kapita	49	111	200
Cek yang dijelaskan (juta)	205	119	100
Terminal kad pembayaran (setiap 1,000 penduduk)	7	13	25
Urus niaga kad debit per kapita	1	5	30

Sumber: Bank Negara Malaysia

POS dan urus niaga kad debit menjelang tahun 2020. Walaupun penurunan berterusan dalam MDR telah mendorong penerimaan kad debit yang lebih baik, usaha untuk mencapai pertumbuhan lebih pesat dalam tempoh tiga tahun yang akan datang menjadi lebih mencabar. Yang nyata, had maksimum fi pertukaran kad kredit semasa iaitu antara 0.94% hingga 1.04%, hanya dapat dikurangkan ke tahap kos layak iaitu 0.48% pada tahun 2021. Oleh itu, MDR kad kredit secara relatif masih tinggi (1.33%) berbanding dengan kad debit (0.56% bagi MyDebit; 0.89% bagi rangkaian debit antarabangsa). Bagi sesetengah peniaga, perkara ini mungkin terus menghalang penerimaan kad pembayaran. Selain itu, beberapa segmen pasaran tertentu, seperti peniaga kecil yang mengambil kira kos (cost-sensitive), mungkin akan terus memilih untuk menerima bayaran tunai, yang sering dianggap tiada kos walaupun mengandungi kos ekonomi yang tersembunyi.

Oleh itu, gelombang perubahan pembaharuan ketiga Bank akan tertumpu pada pembayaran mudah alih untuk melengkapi kad debit bagi menggantikan penggunaan wang tunai di negara ini. Yang nyata, tahap keberkesanan kos yang lebih tinggi boleh dicapai menerusi pembayaran QR yang mengurangkan keperluan terminal POS. Selain itu, pembayaran mudah alih berfungsi sebagai saluran yang mudah bagi kira-kira 12 juta penduduk dewasa untuk menggunakan pembayaran secara digital (daripada 24 juta penduduk dewasa di Malaysia, 10 juta menggunakan perkhidmatan bank tetapi bukan pengguna perbankan dalam talian, manakala dua juta lagi tidak mempunyai akaun di bank). ICTF yang dikeluarkan oleh Bank pada tahun 2018 akan berperanan sebagai pemangkin untuk memperluas skop jangkauan pembayaran mudah alih. Ini dilakukan dengan memudahkan saling hubungan (interconnectivity) antara akaun bank dengan akaun wang elektronik di Malaysia melalui rangkaian kongsian (rujuk 'Pembayaran mudah alih untuk melengkapi kad debit bagi mengantikan penggunaan wang tunai' dalam Bab ini untuk butiran lanjut).

Seiring teknologi pembayaran yang semakin berkembang, rangka kerja pengawalseliaan akan terus bersifat neutral teknologi dan menyokong inovasi yang menggalakkan kecekapan, keselamatan dan kebolehpercayaan lebih tinggi dalam landskap e-pembayaran Malaysia.

Rangka kerja pengawalseliaan terus menyokong inovasi dalam landskap e-pembayaran Malaysia

Peningkatan penggunaan pindahan kredit untuk menggantikan cek

Pada tahun 2017, penggunaan cek terus berkurang pada kadar dua angka iaitu sebanyak 10.6% kepada 119.0 juta cek (2016: -10.0%; 133.1 juta). IBG dan Pindahan Segera terus menjadi pilihan utama untuk menggantikan penggunaan cek, seperti dilihat dalam kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 27.9% kepada 328.6 juta urus niaga pada tahun 2017 (2016: 31.2%; 256.9 juta). Jumlah ini juga melebihi jumlah penggunaan cek sebanyak 2.8 kali (Rajah 6.5).

Cek masih lagi merupakan instrumen pembayaran yang melibatkan kos yang tinggi. Kos purata yang ditanggung bank untuk memproses setiap cek terus meningkat daripada RM3.00 pada tahun 2011 kepada RM4.00 pada tahun 2016. Sektor perniagaan juga menanggung kos pengendalian cek yang dianggarkan sebanyak RM6.80 berdasarkan kaji selidik terhadap 89 buah syarikat baru-baru ini. Kos ini dijangka meningkat lagi pada masa hadapan.

Bagi memastikan kos-kos tersebut tidak membebankan peniaga dan pengguna, Bank terus komited untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran sebagai alternatif yang lebih murah. Oleh itu, bayaran bagi Pindahan Segera akan dimansuhkan bagi urus niaga bernilai sehingga RM5,000 bagi individu dan PKS mulai 1 Julai 2018. Urus niaga tersebut mencakupi kira-kira 79.6%

Rajah 6.5: Jumlah Urus Niaga bagi Cek dan Pindahan Kredit

Jumlah pindahan kredit mengatasi cek sebanyak 2.8 kali pada tahun 2017



Sumber: Bank Negara Malaysia

daripada jumlah cek tahunan yang digunakan oleh individu dan PKS dari tahun 2015 hingga 2017. ePIF juga akan diperluas dalam tempoh tahun 2018 hingga 2020, dengan unjuran sumbangan tambahan sebanyak RM198 juta daripada bank, penanggung insurans dan pengendali takaful. Bagi menambah baik isyarat harga, Bank juga akan menaikkan fi pemprosesan cek daripada 50 sen kepada RM1.00 bagi setiap cek mulai 2 Januari 2021. Kenaikan ini selaras dengan kos memproses cek yang lebih tinggi.

Peningkatan penggunaan kad pembayaran untuk menggantikan wang tunai

Penggunaan kad pembayaran terus meningkat pada tahun 2017, pada kadar 15.7% dari segi jumlah urus niaga dan 10.3% dari segi nilai, kepada 573.5 juta urus niaga yang bernilai RM166.4 bilion (2016: 495.5 juta; RM150.8 bilion) (Rajah 6.6). Walaupun kad kredit masih merupakan instrumen pembayaran yang paling banyak digunakan, urus niaga kad debit meningkat dengan ketara pada tahun 2017, masing-masing kepada 50.9% dan 32.1% dari segi jumlah urus niaga dan nilai, kepada 162.3 juta urus niaga bernilai RM29.8 bilion (2016: 107.6 juta urus niaga; RM22.6 bilion). Berikutan itu, bahagian urus niaga kad debit daripada jumlah urus niaga kad pembayaran meningkat daripada 21.7% pada tahun 2016 kepada 28.3% pada tahun 2017.

Rajah 6.6: Jumlah Urus Niaga Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad

Bahagian urus niaga kad debit terus meningkat



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kad debit semakin popular dan mencatat pertumbuhan ketara masing-masing sebanyak 50.9% dan 32.1% dari segi jumlah dan nilai urus niaga

Terdapat tanda-tanda yang jelas bahawa kad debit kini digunakan untuk menggantikan wang tunai. Kad debit kini semakin kerap digunakan untuk membeli barangan bernilai rendah. Nilai purata urus niaga menggunakan kad debit lebih rendah daripada RM232 pada tahun 2013 kepada RM184 pada tahun 2017. Secara purata, jumlah pengeluaran wang tunai melalui Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine, ATM) setahun juga lebih sederhana pada 6.3% antara tahun 2013 hingga 2017, berbanding dengan 8.7% dalam tempoh tahun 2008 hingga 2012. Trend ini disebabkan oleh tiga faktor utama:

- Pertama, kad pembayaran tanpa sentuhan semakin banyak digunakan. Pada tahun 2017, nisbah urus niaga kad tanpa sentuhan kepada jumlah urus niaga kad debit meningkat dengan ketara daripada 1.9% pada tahun 2016 kepada 7.8% pada tahun 2017. Hal ini turut disokong oleh jumlah terminal POS tanpa sentuhan yang terus bertambah daripada 33,721 terminal pada tahun 2016 kepada 96,601 terminal pada tahun 2017.
- Kedua, penyediaan rangkaian terminal POS yang lebih banyak telah membolehkan penggunaan kad debit yang lebih meluas. Terminal POS terus mengekalkan pertumbuhan dua angka pada tahun 2017 dengan peningkatan sebanyak 24.7% kepada 407,111 terminal (2016: 17.3%; 326,507 terminal) (Rajah 6.7). Perkembangan ini didorong

oleh MDF dan kadar purata MDR yang terus menurun (Rajah 6.8). Hal ini meningkatkan anggaran penjimatan kos tahunan peniaga sebanyak kira-kira RM277.1 juta pada tahun 2017 dan penjimatan kos kumulatif sebanyak RM507.6 juta sejak PCRF mula dilaksanakan pada tahun 2015.

- Ketiga, perbincangan dan interaksi dengan orang ramai untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan mereka terhadap penggunaan kad debit juga memainkan peranan penting. Bank, bersama-sama peserta industri, terus menganjurkan program jerayawara (roadshow) di seluruh negara, serta mengadakan perbincangan dan berinteraksi dengan persatuan perniagaan, dan meneruskan inisiatif jangkauan dan pendidikan yang lain menerusi media cetak dan digital. Pada tahun 2017, Kumpulan Kad Kebangsaan (NCG) juga menganjurkan siri kempennya di bandar-bandar di seluruh negara. Kempen ini bertujuan menggalakkan sektor perniagaan untuk menerima kad pembayaran dalam urus niaga mereka. Untuk tujuan ini, pelbagai insentif telah ditawarkan oleh 108 cawangan bank di 14 bandar yang menyertai kempen ini.

Rajah 6.7: Bilangan Terminal POS

Terminal POS mengekalkan pertumbuhan dua angka sejak 2015



¹ Kadar pertumbuhan tahunan purata (average annual growth rate, AAGR)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 6.8: MDR Purata Mengikut Jenis Urus Niaga Kad Pembayaran

MDR purata terus menurun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembayaran mudah alih untuk melengkapi kad debit bagi menggantikan penggunaan wang tunai

Landskap pembayaran mudah alih terus menunjukkan potensi yang besar untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran. Di Malaysia, pendorong utama perpindahan termasuklah kadar penggunaan telefon mudah alih yang tinggi, penerimaan pembayaran mudah alih yang semakin meningkat oleh pengguna dan peniaga, serta pertambahan bilangan peserta baharu dalam segmen tersebut. Penembusan telefon mudah alih kekal tinggi dengan jumlah langganan telefon mudah alih sebanyak 42.4 juta berbanding dengan jumlah penduduk negara sebanyak 32.1 juta orang. Daripada jumlah itu, 70% menggunakan telefon pintar. Pada tahun 2017, urus niaga kewangan menerusi saluran perbankan mudah alih meningkat 90.1% kepada 106.1 juta urus niaga, dengan nilai sebanyak RM48.3 bilion (2016: 74.3%, 55.8 juta urus niaga; RM33.2 bilion). Jumlah pengeluar wang elektronik bukan bank bertambah kepada 37 pengeluar pada tahun 2017 (2016: 26 pengeluar). Semakin banyak bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank menawarkan perkhidmatan pembayaran menerusi aplikasi telefon mudah alih yang meliputi kod QR dan pindahan dana antara individu (person-to-person, P2P). Trend ini dijangka meningkatkan persaingan, sekali gus mengurangkan kos dan menambah rangkaian produk pembayaran mudah alih yang ditawarkan.

Suatu perkembangan penting yang boleh membentuk persekitaran yang diperlukan untuk menggalakkan penerimaan kaedah pembayaran mudah alih yang lebih meluas ialah pengeluaran ICTF oleh Bank pada tahun 2018. ICTF menggalakkan persaingan secara bersama (co-opetition) antara bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank. Dalam hal ini, pengeluar bekerjasama pada peringkat penyediaan infrastruktur untuk mengembangkan skop jangkauan rangkaian dan mengurangkan kos menerusi infrastruktur pembayaran kongsian. Pada masa yang sama, ia menggalakkan persaingan produk agar tahap perkhidmatan dapat ditingkatkan dan pelanggan boleh membuat bayaran melalui cara yang mudah.

ICTF berteraskan tiga tonggak utama:

- Akses yang sama rata dan terbuka kepada infrastruktur pembayaran kongsian, yang akan diberikan kepada bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank yang layak. Langkah ini dijangka memperluas jangkauan rangkaian dan pada masa yang sama mewujudkan keadaan pasaran yang lebih bersepadu. Disebabkan profil bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank yang pelbagai, ICTF menetapkan keperluan pengurusan risiko yang setara mengikut jenis, skala dan kerumitan aktiviti dan juga profil risiko institusi.
- Perkhidmatan pindahan kredit yang bercirikan saling boleh kendali, termasuk pembayaran mudah alih. Pemegang akaun boleh memindahkan dana dengan mudah dengan menetapkan pengenal pasti (identifiers) penerima yang berdaftar dalam Pangkalan Data Maklumat Kebangsaan (National Addressing Database, NAD). NAD akan ditubuhkan oleh pengendali infrastruktur pembayaran kongsian. Pengenal pasti tersebut termasuklah nombor telefon mudah alih, nombor Kad Pengenalan atau nombor pendaftaran perniagaan penerima, tanpa mengira lokasi akaun penerima. ICTF juga menghendaki pengendali infrastruktur pembayaran kongsian membentuk skim QR saling boleh kendali untuk membolehkan pengguna dan peniaga membuat dan menerima bayaran menerusi penggunaan satu kod QR yang sama.
- Keperluan amalan dan pelindung bagi melindungi pengguna dan peniaga. Ini termasuk peraturan perlindungan liabiliti perbankan elektronik yang terpakai bagi pengguna perkhidmatan pindahan kredit, termasuk pembayaran mudah alih. Selain itu, bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank dikehendaki memaklumi pengguna dengan serta-merta mengenai urus niaga yang dibuat, serta menggunakan cara yang mudah untuk menguruskan had urus niaga dan menyemak baki akaun pada asas masa nyata. Bank dan pengeluar wang elektronik bukan bank juga dikehendaki menggunakan kawalan yang kukuh untuk melindungi data pelanggan.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga tonggak ini dijangka mengurangkan risiko pasaran yang tidak bersepadu, dan pada masa yang sama menggalakkan peningkatan persaingan dan inovasi antara bank dengan pengeluar wang elektronik bukan bank. Ini seterusnya akan menggalakkan pembangunan perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan segmen pengguna yang berbeza. Sebagai sebahagian daripada inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menggalakkan pembayaran mudah alih dalam kalangan pengguna dan peniaga, Bank akan bekerjasama rapat dengan pihak industri untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai. Ini bertujuan untuk menangani apa-apa isu yang berkaitan dengan pelaksanaan kaedah pembayaran baharu seperti pembayaran kod QR.

Pada 1 Ogos 2017, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear), yang mengendalikan sistem pembayaran bernilai tinggi di Malaysia dan membangunkan infrastruktur pasaran kewangan utama, bersama-sama Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS), yang menyediakan perkhidmatan rangkaian ATM kongsian, telah bergabung untuk membentuk PayNet. Gabungan tersebut menandakan suatu pencapaian penting untuk memanfaatkan sinergi dan menyelaraskan penggunaan sumber-sumber industri dengan lebih baik untuk memajukan lagi sistem pembayaran di Malaysia. Sebagai pengendali infrastruktur pembayaran kongsian, PayNet dilihat boleh memainkan peranan penting untuk menyokong pelaksanaan ICTF yang berkesan.

Selain itu, PayNet diberikan tanggungjawab untuk membangunkan Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) untuk menjadi pemangkin aktiviti inovasi yang lebih luas dalam persekitaran pembayaran dalam negeri. Usaha untuk membangunkan RPP terus menunjukkan kemajuan yang baik pada tahun 2017 dan RPP dijangka mula dilaksanakan pada suku ketiga 2018 (Gambar Rajah 6.2).

Gambar Rajah 6.2

Gambaran Keseluruhan Ekosistem RPP



Sumber: Bank Negara Malaysia